

16/04/2000

Hari Belia disambut di Kuantan 15 Mei

LANGKAWI: Hari Belia peringkat kebangsaan tahun ini akan diadakan Pusat Rekreasi Air Balok, Kuantan, Pahang, pada 15 Mei ini, kali pertama sambutan seumpama itu diadakan di luar ibu negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Mahammad Zabri Min, berkata kira-kira 5,000 pemimpin belia pelbagai peringkat dari seluruh negara dijangka menyertai sambutan itu.

Menurutnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan sambutan itu serta mengambil peluang beramah mesra dengan pemimpin belia yang hadir.

"Sambutan yang pertama kali diadakan di luar Kuala Lumpur ini diharap akan mendapat sambutan lebih meriah di samping membolehkan belia mengenali pemimpin negara dengan lebih dekat," katanya.

(END)